

TEKS UCAPAN ALUAN

Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSELOR UTeM

**MAJLIS PERASMIAN FORUM PATRIOTISME MEMPERKUKUHKAN BENTENG
PEMIKIRAN DAN BUDAYA SEMANGAT JATI DIRI GENERASI MUDA NEGARA**

30 September 2017 (Sabtu), Dewan Canselor UTeM, 2.30 petang

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

1. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. (Dr.) Hj. Idris bin Hj. Haron

Ketua Menteri Melaka

2. YBhg. Prof (Adj) Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Jamil Bin Mukmin

Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)
Negeri Melaka

3. Yang Berusaha Dr Zawiah Binti Mat

Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) UTeM

- 4. Yang Berusaha Puan Nor Fazilah Abd Hamid**
Pengarah Program Karnival Gen Y Malaysia Dihatiku
- 5. Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ketua-Ketua Jabatan, Wakil Media, Staf, Para Pelajar yang dikasih sekalian.**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada petang yang indah ini, kita dapat berkumpul di Dewan Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka, bersempena Forum Patriotisme Memperkuatkan Benteng Pemikiran Dan Budaya Semangat Jati Diri Generasi Muda Negara pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. (Dr.) Hj. Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir bersama di dalam majlis pada petang ini.
3. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak IKSEP Melaka kerana sudi bekerjasama dengan pihak UTeM

dalam menjayakan forum ilmiah ini. Diharapkan kerjasama erat di antara kedua-dua pihak ini akan berterusan di masa yang datang dengan penganjuran lebih banyak program bermanfaat seumpama ini yang semestinya memberi banyak kebaikan dan faedah kepada kita bersama.

YAB Datuk Seri Utama, Hadirin dan Hadirat sekalian,

4. Program bekonsep kenegaraan ini merupakan satu wadah terbaik untuk membentuk serta memperkuuhkan semangat patriotisme dalam jiwa khususnya di kalangan generasi muda negara selain membentuk semangat jati diri yang unggul untuk terus menanam rasa cinta akan negara dan memberikan sumbangan yang tidak ternilai demi mengekalkan keharmonian dan kejayaan negara di mata dunia.

5. Golongan muda hari ini merupakan aset penting negara. Mereka ialah pewaris kepimpinan negara yang akan meneruskan perjuangan dan usaha ke arah memperkuatkan negara di masa hadapan. Tanpa wujudnya semangat patriotisme dalam diri mereka bagaimana rasa cinta akan negara dapat dipupuk dan disemai dalam jiwa dan pemikiran mereka.
6. Cakna terhadap perkara ini, UTeM mengambil inisiatif murni ini dengan menjadi rakan kerjasama dalam menganjurkan program yang dapat menyemai dan menyemarakkan lagi semangat patriotisme di kalangan kita khususnya kepada mahasiswa dan mahasiswi UTeM.

7. Forum pada hari ini, antara lainnya diadakan bertujuan untuk:
 - a. Mempertingkatkan kefahaman tentang ciri-ciri patriotisme dalam konteks negara berbilang bangsa,
 - b. Memberi peluang kepada generasi muda mengemukakan idea dan juga pandangan terhadap kepimpinan dan masa hadapan negara, dan
 - c. Memperkasakan kesedaran generasi muda terhadap tanggungjawab patriotik, perpaduan dan sifat kesukarelawan
8. Menerusi wadah perbincangan berkonsepkan patriotisme ini, ia dapat membantu golongan muda negara khususnya para pelajar untuk

membina hujah-hujah dan melatih mereka untuk bersikap dan berfikiran positif, saling memahami dan membantu antara satu sama lain demi membantu negara untuk terus maju dan berdaya saing dengan negara maju yang lain. Saya yakin, menerusi perkongsian dari ahli panel yang berpengalaman, dapat menyuntik kembali semangat jati diri golongan muda selain menanam cita-cita murni untuk terus berjaya demi kebaikan diri sendiri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

YAB Datuk Seri Utama, Hadirin dan Hadirat sekalian,

9. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Y.A.B. Datuk Seri Utama, Ketua Menteri**

Melaka kerana sudi hadir merasmikan Forum ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pihak IKSEP Melaka serta barisan Jawatankuasa Pelaksana peringkat UTeM dan semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga, dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Forum Patriotisme ini.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.* Terima kasih.